

**MERBAU KECIL**  
Spectacled Bulbul

FAMILI: Pycnonotidae  
NAMA SAINTIFIK: *Pycnonotus erythrophthalmos*



#### **CIRI-CIRI**

Bagi burung dewasa sub-spesies *P.e.erythrophthalmos*, ia seakan-akan Merbah Mata Merah (*Pycnonotus brunneus*) tetapi mempunyai garisan halus berwarna oren atau kuning oren yang mengelilingi mata yang hanya jelas jika dilihat dari jarak dekat. Selain itu, ia mempunyai saiz yang lebih kecil, paruh yang lebih hitam, bahagian atas kepala dan belakang badan yang berwarna kekelabuan. Bahagian tongkeng dan bulu penutup ekor atas berwarna lebih kemerahan yang berbeza dengan warna pada lain-lain bahagian di atas badan. Bahagian tekak dan perut juga lebih putih manakala bahagian dada dan perut lebih kekelabuan. Bagi burung juvenil, warna mata adalah coklat manakala garis yang mengelilingi mata adalah lebih pudar. Bahagian atas badan dan sayap sedikit pucat dan berwarna coklat manakala paruh pula agak coklat. Panjang keseluruhan burung ini adalah di antara 16-18 sm.

#### **MAKANAN**

Ia memakan buah-buahan seperti dari jenis beri, serangga, nektar dan pucuk bunga.

#### **HABITAT**

Ia mendiami kawasan hutan tanah pamah dipterokap, hutan sekunder, kawasan pingir hutan, hingga ke ketinggian 900 m dari aras laut.

#### **BUNYI**

Burung ini mengeluarkan bunyi siulan yang jelas dikenali, berulang kali, dan bernada tinggi seperti bunyi mesin *wip-wip-wi'!'!'!*.

#### **PEMBIAKAN**

Musim membiak adalah dari bulan Februari hingga Jun setiap tahun dengan burung betina menghasilkan 2 biji telur bagi setiap eraman di dalam sarang yang berbentuk cawan.

#### **STATUS**

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.